

MT UMNO beri kata dua supaya Nik Aziz bertaubat

UM 3 1 AUG 2002

Oleh ISMAIL DAUD dan MARHAINI KAMARUDDIN

KUALA LUMPUR 30 Ogos — Majlis Tertinggi (MT) UMNO hari ini memberi kata dua kepada Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat supaya bertaubat kerana menyamakan sifat Allah dengan manusia atau menghadapi tindakan daripada kerajaan.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, UMNO berpendapat tindakan Nik Abdul Aziz yang mengaitkan Allah dengan samseng, penipu dan penjahat maha besar sebagai sudah melampaui batas.

Menurutnya, perkara itu juga sudah tidak boleh dianggap sebagai satu perkara politik kerana ia menyentuh soal kepercayaan umat Islam di negara ini.

Malah kata Dr. Mahathir, keadaan kini semakin serius apabila kenyataan Nik Abdul Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan itu disokong pula oleh Pemangku Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dan Persatuan Ulama Malaysia (PUM).

“Kita berpendapat bahawa perkara ini perlu diketengahkan supaya tindakan dapat diambil terhadap orang yang menghina Allah.

“Tetapi kita masih lagi berpendapat bahawa eloklah Nik Abdul Aziz bertaubat. Kalau dia tak bertaubat, kita berpendapat kita berhak mengambil tindakan,” katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat MT UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Nik Abdul Aziz dalam satu ceramahnya di Kelantan telah merujuk Allah sebagai lebih samseng daripada segala manusia di dunia dengan mengambil tiga sifat-Nya iaitu - Al-Mutakabbir, Al-Jabbar dan Al-Muttaqin.

Bercanggah

Tokoh-tokoh agama menegaskan bahawa kenyataan dan tafsiran Nik Abdul Aziz itu sebagai bercanggah dengan sifat-sifat Allah yang indah.

Bekas Hakim Mahkamah Agung, Tan Sri Harun Mahmud Hashim baru-baru ini berkata, Nik Abdul Aziz boleh didakwa di bawah seksyen 298 Kanun Keseksaan kerana menghina Allah sebagai samseng.

Seorang peguam, Zaid Ibrahim pula berkata, peruntukan dalam kanun itu menyebut ba-

hawa tindakan undang-undang boleh diambil ke atas mana-mana individu yang menyebut perkataan dengan niat hendak melukakan perasaan keagamaan mana-mana orang.

Dr. Mahathir yang juga Perdana Menteri berkata, MT turut menyifatkan isu itu sebagai satu perkara serius dan ini terbukti apabila ia dibincangkan dengan panjang lebar dalam mesyuarat hari ini.

Mengenai penggunaan bahasa Inggeris bagi subjek Sains dan Matematik di sekolah, beliau berkata, tidak ada sebarang perubahan dari segi dasar yang telah ditetapkan.

“Kita mahu mengajar menggunakan bahasa Inggeris bermula dari Darjah Satu tetapi kita dengar pendapat umum

■ Lihat muka 4

MT UMNO beri kata dua supaya Nik Aziz bertaubat

UM 3 1 AUG 2002

hanya untuk mengkaji cara pelaksanaannya,” jelas beliau.

Mengenai laporan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang menyebut Malaysia sebagai salah sebuah negara yang mempunyai akaun milik Osama Bin Laden dan pertubuhan al-Qaeda, beliau berkata, Malaysia sedia mengambil tindakan jika terdapat bukti.

Katanya, sebelum ini pun, Bank Negara telah membuat semakan

mengenai dakwaan seperti itu tetapi tidak menemui sebarang simpanan wang yang boleh dikaitkan dengan al-Qaeda.

Sehubungan itu, beliau meminta diberikan maklumat supaya kerajaan dapat menyiasat dan mengenal pasti sumber kewangan tersebut.

Mengenai dakwaan kononnya kerajaan memberikan layanan buruk kepada pendatang tanpa izin

Filipina, Dr. Mahathir menyifatkan mereka sebagai golongan yang tidak tahu bersyukur dan berterima kasih.

“Dia duduk sini sudah berpuluh tahun. Pakai kita punya sekolah dan hospital. Masa itu mereka tidak kata kita *brutal* pun,” katanya.

Mengenai tindakan membakar Jalur Gemilang di Manila dan Jakarta kelmarin dan semalam, Dr. Mahathir berkata, tindakan itu

tidak menjejaskan hubungan dengan Filipina dan Indonesia kerana ia bukan satu tindakan kerajaan terbabit.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, Malaysia telah mengemukakan bantahan rasmi kepada kerajaan negara-negara terbabit.

Katanya, walau apa pun bantahan yang mahu dilakukan, Malaysia berharap isu tersebut diselesaikan dengan cara yang paling rasional.